

Al-Aslu Fi Al-Asyya' Bain Al-Ibahah Aw Al-Hazr: Pemakaian dalam Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia

Al-Aslu Fi Al-Asyya' Bain Al-Ibahah Aw Al-Hazr: Its Application In The National Council Of Fatwa Committee For Islamic Religious Affairs In Malaysia

Mushaddad bin Hasbullahⁱ, Zulfaqar bin Mamatⁱⁱ & Mohamad Zaharuddin bin Zakariaⁱⁱⁱ

ⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM, mushaddad@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM, zulfaqar@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM, zaharuddin@usim.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Kajian ini cuba mendedahkan permasalahan mengenai asal sesuatu perkara yang tidak mempunyai dalil yang jelas dan terperinci samada ianya haram ataupun harus, ini kerana para fuqaha' telah berselisih pendapat mengenai perkara ini, di mana sebahagian daripada mereka telah menjadikan al aslu fi al asyya' al ibahah sebagai satu kaedah fiqhiah yang digunakan dalam mazhab, dan sebahagian yang lain menggunakan kaedah al aslu fi al asyya' al hazr. Penulis cuba menjelaskan perselisihan ulama mengenai perkara tersebut beserta dengan dalil-dalil dan pendapat yang rajih. Seterusnya penulis menilai pemakaian kaedah ini dalam MJFK, dimana ia menunjukkan pengaplikasiannya lebih tertumpu dalam bab hukum berkaitan makanan dan minuman. Kajian juga mendapati kaedah ini bukan digunakan sebagai dalil utama sebaliknya hanya sebagai hujah yang menyokong dalil utama tersebut. Adalah diharap agar kajian ini akan dapat memberi satu pendedahan baru kepada masyarakat tentang penggunaan kaedah al aslu fi al asyya' al ibahah dalam pembuatan sesuatu keputusan hukum.</i></p>	<p><i>This study attempts to expose the problem of the origin of a matter which has no clear and detailed argument whether it is illegal or necessary, as the jurists have disputed about this, where some of them have made al aslu fi al-asyya al-ibahah as a legal maxim used in their school, and some others use the al-asl fi al-asyya al-hazr as a maxim. The author tries to clarify the disputes among the scholars on the matter with the arguments and the opinion of the rulers. The writer also considers the application of this maxim in MJFK, which shows that its application is more focused in the law of food and beverage. The study also found that this method was not used as the main argument but simply as an argument supporting the main argument. It is hoped that this study will provide a new exposures to the public on the use of al aslu fi al-asyya al-ibahah in making legal decisions.</i></p> <p>Keywords: Legal maxim, MJFK decision.</p>

Kata kunci: Kaedah fiqhiah, Keputusan MJFK	
--	--

PENDAHULUAN

Sesungguhnya Allah memuliakan manusia dengan menganugerahkan pelbagai nikmat di atas muka bumi ini yang terdiri daripada akal fikiran, makanan, minuman, pakaian, teman hidup dan sebagainya sebagaimana firman Allah dalam al Quran al Karim:

{هُوَ الَّذِي خَلَقَ لِكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا}

Maksudnya: Dialah (Allah) yang menciptakan setiap sesuatu di atas muka bumi ini untuk kamu (ummah manusia). (al Baqarah: 29).

Allah juga telah menetapkan hukum bagi sesuatu perkara dengan halal, haram, sunat, makruh dan harus samada menerusi al Quran atau sunnah RasulNya, dan menjadi tanggungjawab kita sebagai ummat Islam mematuhi semua arahan Allah dan meninggalkan segala larangannya. Di mana ini semua adalah untuk kebahagian hambaNya di dunia dan akhirat. Tetapi yang menjadi permasalahan ialah bagi perkara yang tidak disebut hukumnya atau *almaskut 'anhu*, maka menjadi kewajiban bagi kita untuk mengetahui hukum perkara tersebut, kajian ini sedikit sebanyak akan mendedahkan kepada kita hakikat permasalahan ini.

DEFINISI TAJUK

Sebelum diteruskan pembicaraan mengenai topik ini, adalah amat penting di peringkat ini difahami dengan tepat konotasi makna yang terkandung dalam istilah-istilah penting dalam topik ini, ianya seperti berikut:-

Al-aslu: perkataan arab yang dari segi bahasa membawa maksud “bahagian paling bawah bagi sesuatu perkara” ianya juga boleh diertikan “sebagai sesuatu yang menjadi sandaran kepada kewujudan sesuatu yang lain”.(Ibn Manzūr: 1995). Manakala dari sudut istilah *al-aslu* merupakan sesuatu yang thabit atau tetap hukumnya dengannya sendiri dan tidak bergantung kepada yang lain (Qal’ah Ji: 1996).

Al-asyya': kata jamak bagi perkataan *syai'* yang bermaksud: sesuatu yang wujud dan ianya adalah nama bagi semua yang diciptakan samada yang dapat dilihat dengan mata kasar atau sebaliknya, ianya juga boleh diketahui dan dikhabarkan (Al-Jarjāni: 1998)

Al-ibahah: berasal dari perkataan *abaaha*, apabila disebut *abaha* *al mahzur* bermaksud: *ja'alahu halalan* iaitu menjadikannya halal. (Qal’ah Ji: 1996). Sebenarnya ulama-ulama usul fiqh mempunyai pelbagai takrifan dalam menterjemahkan perkataan ibahah tetapi jika diteliti semua takrifan ini ianya mempunyai pengertian yang tidak jauh berbeza, iaitu sesuatu yang diberi pilihan oleh Allah untuk melakukan atau meninggalkannya dan ianya tidak membawa kepada sebarang dosa atau pahala (Zaidān: 1987). Daripada perkataan *ibahah* juga dapat difahami maksudnya sebagai *al-ihlal*:

penghalalan, *raf'u al junah*: tiada bebanan, *al-iznu*: keizinan, *al-afwu*: kemaafan dan *al-takhyir*: pemilihan (Ibn al Qayyim: t.thn)

Al-hazr: dari segi bahasa membawa erti al mancu iaitu tegahan (al Fayyumi: t.thn), dan Ibnu Manzur menyebut *al-hazr al-hajr* iaitu halangan dan ianya lawan *al-ibahah*, dan setiap sesuatu yang menjadi penghalang di antara sesuatu perkara di panggil *al-hazr* (Ibn Manzūr: 1995). Dari segi istilah ulama usul pula *al-hazr* di takrifkan sebagai perkara yang diberi pahala apabila tidak dilakukan dan diberi dosa apabila dilakukan. (Qal'ah Ji:1996).

Berdasarkan definisi yang tercatat di atas, ciri dan skop utama bagi kajian ini dapat difahami dengan jelas, di mana topik ini menerangkan tentang perselisihan ulama mengenai asal hukum sesuatu perkara yang berkaitan dengan kehidupan manusia samada makanan, pakaian, muamalat dan sebagainya, adakah hukumnya ibahah iaitu harus atau hazr iaitu haram. Tajuk kajian ini sebenarnya terdiri daripada dua kaedah usuliah yang menjadi perselisihan di kalangan fuqaha' dan kedua-duanya digunakan oleh dua aliran mazhab yang berbeza, iaitu:

Al-aslu fi al-asyya' al-ibahah : asal sesuatu perkara hukumnya adalah harus.

Al-aslu fi al-asyya' al-hazr : asal sesuatu perkara hukumnya adalah haram.

PENDAPAT-PENDAPAT ULAMA

Sebenarnya para usuliyyun berselisih pendapat dalam menetapkan hukum asal sesuatu perkara yang tidak mempunyai dalil yang jelas samada ianya halal ataupun haram, di sini penulis akan cuba untuk menjelaskan perselisihan tersebut yang boleh di kelaskan kepada tiga pendapat:-

Pendapat pertama: *al-aslu fi al-asyya' al-ibahah* iaitu asal sesuatu perkara adalah harus selagi mana tidak ada dalil yang mengharamkannya, ini merupakan pendapat mazhab al Syafi'ie dan juga sebahagian besar ulama' Islam. (Suyūti: 1403H).

Pendapat kedua: *al-aslu fi al-asyya' al-hazr* iaitu asal sesuatu perkara adalah haram selagi mana tidak ada dalil yang menghalalkannya, ini merupakan pendapat Abu Hanifah, Ibnu Hamid dan sebahagian ulama Mu'tazilah (Ibn Qudāmah: 1399H)

Pendapat ketiga: *al-tawaqquf* iaitu tidak dijelaskan samada ianya mempunyai hukum halal atau haram, ini kerana mereka yang berpendapat sebegini tidak dapat mentarjihkan dalil-dalil yang membuktikan samada ianya membawa hukum halal atau haram, ini seolah-olah mereka merasakan bahawa kedua-dua pendapat tadi mempunyai dalil-dalil yang cukup kuat bagi membuktikan pendapat masing-masing, jadi lebih selamat bagi mereka ialah dengan tidak menghukum. Pendapat ini dipelopori oleh sebahagian ulama Mazhab Hanafi, Abu al Hasan al Asy'ari, Abu Bakar al Sairafi, dan Abu al Hasan al Kharazi al Hambali (al Burnū:1996).

PENGHUJAHAN DAN PERBINCANGAN

Setiap aliran mempunyai hujah masing-masing dalam membuktikan kekuatan pendapat yang dipegang, dalil-dalil yang digunakan adalah seperti berikut:-

Pendapat pertama: Aliran ini menggunakan banyak dalil-dalil yang terdiri daripada al Quran, Hadis, dan dalil-dalil aqli bagi membuktikan bahawa hukum asal bagi sesuatu perkara adalah harus, antaranya:

1) Ayat-ayat al Quran

a- Firman Allah Subhanahu wa ta'ala:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ أَسْتَوَى إِلَى الْسَّمَاءِ
فَسَوَّنَهُنَّ سَبْعَ سَمَوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ٢٩

“Dia lah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Ia menuju dengan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna; dan Ia Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu” (al-Baqarah:29).

Di dalam ayat ini Allah menjelaskan tentang pemberianNya kepada kita dengan menciptakan segala yang di bumi, dan di antara pemberian ini ialah al ibahah iaitu dengan mengharuskan kepada kita untuk menikmati ciptaan tersebut. Di samping itu, dalam konteks Bahasa Arab penggunaan huruf lam pada "لَكُم" membawa maksud pemilikan, dan tahap yang paling minimum dalam pemilikan ialah al ibahah iaitu kebenaran untuk mengambil manfaat daripada sesuatu yang dimiliki Allah (al Burnū: 1996).

b-Firman Allah Ta'ala

فُلُّ مَنْ حَرَمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالظَّيْبَاتِ مِنَ الْرِّزْقِ

“Katakanlah (wahai Muhammad): "Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkanNya untuk hamba-hambaNya, dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakanNya?"(al A'raf: 32)

Di dalam ayat ini Allah menentang sesiapa yang mengharamkan sewenang-wenangnya sesuatu yang dikurniakanNya kepada manusia. Kata Ibnu Kathir: “Ayat ini merupakan bantahan Allah terhadap sesiapa yang mengharamkan sesuatu jenis makanan, minuman atau pakaian dengan menurut kehendak dirinya sendiri tanpa bersandarkan kepada syariat Allah (Ibn Kathir: 1401H).

c- Firman Allah Ta'ala:

فُل لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ وَإِلَّا أَنْ
يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنْزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا
أُهْل لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ عَفُورٌ

رجيم

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi - kerana sesungguhnya ia adalah kotor - atau sesuatu yang dilakukan secara fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah". Kemudian sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak mengingininya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhan mu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani" (al-Anām: 145)

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa hukum asal sesuatu perkara seperti makanan, minuman dan sebagainya adalah harus melainkan perkara-perkara yang telah dikecualikan oleh Allah seperti bangkai, darah yang mengalir, daging babi dan sebagainya dalam ayat-ayatNya dan hadis Nabi.

d- Firman Allah Ta'ala:

يَنْهَا النَّاسُ كُلُّوْمِمَا فِي الْأَرْضِ حَلَّا طَيِّبًا وَلَا تَنْهَا طُوبَاتِ
الشَّيْطَانُ إِنَّهُ لَكُمْ عَذُوْمٌ مُّبِينٌ

"Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu" (al-Baqarah: 168)

Ayat ini menjelaskan tentang kurniaan Allah kepada manusia, di mana Allah memerintahkan mereka supaya menikmati semua jenis makanan seperti biji-bijian, buah-buahan, binatang dan sebagainya yang halal iaitu makanan yang tidak dicuri, tidak melalui proses riba dan seumpamanya. Makanan itu juga perlu baik "toyyiban" iaitu tidak jijik seperti bangkai, darah, daging babi dan seumpamanya.(Ibn Sa'ādi: t.thn)

e- Firman Allah Ta'ala:

فُلِ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّيْ الْقَوْحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ وَالْأَثْمُ وَالْبَغْيَ بِغَيْرِ
الْحَقِّ وَأَنْ تُشْرِكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنْزَلْ بِهِ سُلْطَنًا وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا
لَا تَعْلَمُونَ ٣٣

"Katakanlah: "Sesungguhnya Tuhanmu hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi; dan perbuatan dosa; dan perbuatan menceroboh dengan tidak ada alasan yang benar; dan (diharamkanNya) kamu mempersekuatkan sesuatu dengan Allah sedang Allah tidak menurunkan sebarang bukti (yang membenarkannya); dan (diharamkanNya) kamu memperkatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya"(al A'rāf: 33).

Dalam ayat ini Allah telah menjelaskan pada kita tentang perkara-perkara yang haram iaitu yang buruk dan keji, oleh itu dapat difahami bahawa perkara yang baik dan elok tetapi tidak disebut hukumnya adalah harus.

2) Hadis Nabi:

a- Sabda Rasulullah (SAW)

ما أَحْلَ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ فَهُوَ حَلَالٌ وَمَا حَرَمَ فِي حَلَالٍ وَمَا سَكَتَ عَنْهُ فَهُوَ حَرَامٌ وَمَا فَاقْبَلُوا مِنَ اللَّهِ عَافِيَتُهُ إِنَّ اللَّهَ لَمْ يَكُنْ لِيْنِسِيْ شَيْئاً

Maksudnya: Apa yang telah dihalalkan oleh Allah maka halal hukumnya, dan apa yang diharamkan maka haram hukumnya, dan apa yang tidak disebut tentang hukumnya maka itu adalah kemaafan, maka terimalah kemaafan Allah. Sesungguhnya Allah tidak lupa pada sesuatupun. (al Baihaqi: 1994)

b- Sabda Rasulullah (SAW)

(إِنَّ اللَّهَ فَرَضَ فِرَائِضَ فَلَا تُضِيِّعُوهَا وَحْدَ حَدُودًا فَلَا تَعْتَدُوهَا وَنَهِيَّ عَنْ أَشْيَاءٍ
رَحْصَةً لَكُمْ لَيْسَ بِنَسِيَانٍ فَلَا تَبْحَثُوا عَنْهَا)

Maksudnya: Sesungguhnya Allah telah memfardukan banyak perkara maka janganlah kamu mensia-siakannya, dan Allah juga telah menetapkan had-had tertentu maka jangan kamu melampauinya. Dan Allah telah melarang sesuatu perkara maka jangan kamu mencabulinya, dan Allah tidak menyebut tentang hukum sesuatu perkara bukan kerana lupa tetapi sebagai kemudahan kepada kamu, maka jangan kamu mengkajinya. (al Baihaqi: 1994)

c- Sabda Rasulullah (SAW)

(إِنَّ أَعْظَمَ الْمُسْلِمِينَ جُرْمًا مِنْ سَأَلَ عَنْ شَيْءٍ لَمْ يُحْرَمْ فَحُرِّمَ مِنْ أَجْلِ مَسْأَلَتِهِ)

Maksudnya: Sesungguhnya sebesar-besar jenayah yang dilakukan oleh orang islam ialah sesiapa yang mempersoalkan sesuatu yang halal maka diharamkan kerana persoalannya itu. (Al-Bukhāri: 1987)

3) Dalil- dalil aqli

a- Sesungguhnya semua ciptaan Allah mempunyai hikmatnya tersendiri dan tidak diciptakan dengan sia-sia, sebagaimana firman Allah (SWT):

{وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا لَا يَعْلَمُ}

Maksudnya: Dan (ingatlah) tidaklah Kami menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antaranya, secara main-main.(al Anbiyā': 16)

Allah juga berfirman:

{أَفَحَسِبُتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبْدًا}

Maksudnya: "Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaan itu? (al Mu'minun: 115)

Oleh itu, mustahil bagi sesuatu perkara itu diciptakan oleh Allah dengan sia-sia dan sudah pasti anugerah Allah itu amat memberi manfaat kepada makhluknya, jadi jelaslah bahawa asal sesuatu perkara yang berfaedah adalah harus. (al Syaukāni:1403H).

b- Sesungguhnya akal fikiran manusia berpendapat bahawa mengambil manfaat daripada sesuatu perkara itu hukumnya harus, seperti pada makanan, minuman, tunggangan, pakaian dan sebagainya, semua perbuatan ini adalah baik, oleh itu akal mengharuskan perkara-perkara yang baik. (al Sam'ani: 1997).

Pendapat kedua: Dalil-dalil yang digunakan oleh aliran ini adalah seperti berikut:-

1) Sabda Rasulullah (SAW):

(الحلال بين والحرام بين وبينهما مشبهات لا يعلمها كثير من الناس فمن اتقى المشبهات استبرأ لدينه وعرضه)

Maksudnya: Halal itu nyata dan haram itu nyata, dan antara keduanya terdapat perkara-perkara yang samar, sesiapa yang dapat melindungi dirinya daripada perkara ini maka ia telah berjaya menyelamatkan agama dan dirinya.(Al Bukhari: 1987).


Pengikut aliran ini melihat bahawa di dalam hadis ini Rasulullah mengarahkan umatnya supaya tidak terlibat dengan perkara-perkara yang syubuhat, mereka juga menjadikan sesuatu perkara yang tidak mempunyai dalil tentang hukumnya adalah perkara yang syubuhat, oleh sebab itu mereka berpendapat adalah lebih selamat jika meletakkan perkara ini sebagai haram supaya manusia tidak terlibat dengan perkara-perkara yang syubhat.

2) Dalil aqli: Menguruskan hak milik orang lain tanpa kebenaran pemiliknya adalah salah, oleh itu mengeluarkan hukum harus bagi sesuatu perkara yang tidak mempunyai dalil adalah satu perbuatan tanpa kebenaran pemiliknya

iaitu Allah. Maka sudah pasti ianya salah dan tidak dapat diterima. (al Juwaini: 1418H).

Pendapat ketiga: Dalil-dalil yang digunakan oleh aliran ini adalah seperti berikut:-

1) Firman Allah (SWT):

وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبُ هَذَا حَلَالٌ وَهَذَا
حَرَامٌ لَتَفْتَرُوا عَلَى اللَّهِ الْكَذِبُ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبُ لَا


Maksudnya: Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu: "Ini halal dan ini haram", untuk mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah; sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan berjaya.(al Nahl: 116).

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa Allah melarang daripada menghukum sesuatu dengan halal ataupun haram sesuka hati, oleh itu tindakan yang paling tepat ialah *mutawaqqif* (tidak mengeluarkan apa-apa hukum).(al Syirāazi: 1403H)

2) Mereka mendapati amat sukar untuk mentarjihkan salah satu daripada dua pendapat yang terdahulu, oleh itu mereka mengambil jalan tengah dengan tidak mengeluarkan sebarang hukum samada harus ataupun haram (al Burnu: 1996).

TARJIH

Setelah dilihat kepada semua pendapat dan dalil-dalil yang digunakan, maka pendapat yang *raajih-* *وَالله أعلم بالصواب* ialah pendapat yang pertama iaitu *al aslu fi al asyya' al ibahah*. Ini adalah bersandarkan kepada faktor-faktor berikut:-

1) Dalil-dalil yang digunakan oleh pendapat yang pertama adalah lebih kuat kerana ianya terdiri daripada ayat-ayat al Quran, hadis-hadis nabi yang sohih dan juga dalil-dalil aqli yang boleh diterima. Dalil-dalil tersebut memang tidak dapat dinafikan tentang kekuatannya jika dibandingkan dengan dalil-dalil pendapat yang kedua dan ketiga.

2) Dalil-dalil pendapat yang kedua dan ketiga tidak boleh diterima, ini kerana setiap sesuatu yang wujud adalah halal untuk manusia dan harus untuk digunakan melainkan jika ianya telah diharamkan oleh Allah samada melalui al Quran ataupun al Hadis. Jika tidak kita akan termasuk dalam golongan yang disebut oleh Allah dalam firmannya:

{فَلَمَّا أَرَيْتُمُ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنْ رِزْقٍ فَجَعَلْتُمْ مِنْهُ حَرَاماً وَحَلَالاً}

Maksudnya: Katakanlah (kepada kaum yang mengada-adakan sesuatu hukum): "Sudahkah kamu nampak baik-buruknya sesuatu yang diturunkan

Allah untuk manfaat kamu itu sehingga dapat kamu jadikan sebahagian daripadanya haram, dan sebahagian lagi halal? (Yūnus: 59)

Oleh itu Allah mencela golongan musyrikin yang menghukum sesuatu perkara mengikut hawa nafsu mereka dan mengharamkan sesuatu yang tidak diharamkan oleh Allah sebagaimana firmanNya dalam al Quran al Karim:

{وَجَعَلُوا لِلّهِ مِمَّا ذَرَّا مِنَ الْحَرْثِ وَالْأَنْعَامِ نَصِيبًا فَقَالُوا هَذَا اللّهُ بِرٌّ عَمِّهِمْ وَهَذَا لِشُرَكَائِنَا}

Maksudnya: Dan mereka (orang-orang musyrik) memperuntukkan dari hasil tanaman dan binatang-binatang ternak yang diciptakan oleh Allah itu, sebahagian bagi Allah (dan sebahagian lagi untuk berhala-berhala mereka), lalu mereka berkata: Ini untuk Allah - menurut anggapan mereka - dan ini untuk berhala-berhala kami." (al An'ām: 136)

3) Dalil-dalil pendapat yang kedua dan ketiga juga bertentangan dengan dalil sahih yang kuat dari al Quran dan al Sunnah, di mana tafsiran mereka bahawa mengambil manfaat daripada hak orang lain adalah haram secara mutlak tidak dapat diterima, ini kerana mengambil manfaat daripada hak orang lain tanpa mendatangkan mudarrat kepada pemiliknya adalah harus, seperti berteduh pada dinding orang lain atau menumpang cahaya dari lampunya. Maka lebih-lebih lagi pada hak Allah yang mana mengambil manfaat daripada hak Allah tidak akan mendatangkan apa-apa mudarrat padanya. Manakala pendapat yang ketiga al tawaqquf juga tidak boleh diterima kerana seperti mana yang kita perhatikan bahawa dalil pendapat yang pertama adalah lebih kuat daripada pendapat yang kedua, oleh itu tidak ada persamaan pada dalil antara kedua-dua pendapat tersebut.

4) Sesungguhnya fitrah manusia juga selari dengan kaedah *al aslu fi al asyya' al ibahah*, di mana ianya bermatlamat untuk menghindari masyaqqah atau kesusahan daripada manusia sebagaimana salah satu konsep pada prinsip-prinsip asas Islam yang menekankan kemudahan pada ummatnya. Sekiranya hukum asal bagi sesuatu perkara itu haram atau tawaqquf maka tidak ada lagi konsep kemudahan atau menghindari *masyaqqah* pada umat Islam.

Oleh itu, jelaslah pada kita bahawa pendapat yang pertama dengan *kaedah al aslu fi al asyya' al ibahah* adalah pendapat yang rajih dan ianya juga merupakan pendapat jumhur ulama dan pendapat ini juga yang dipilih oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFK) dan Jawatankuasa Fatwa di Negeri-Negeri ketika mengunapakai kaedah ini dalam penghujahan kertas hukum dan sebagainya.

BEBERAPA CABANG KAEDEAH YANG TERKECUALI DARIPADA KAEDEAH AL ASLU FI AL ASYYA' AL IBAHAH

Para ulama telah mengecualikan beberapa cabang kaerah daripada kaerah tersebut, kaerah-kaerah ini telah dikeluarkan oleh ulama-ulama melalui penelitian mereka terhadap dalil-dalil samada daripada al Quran atau as Sunnah. Kaerah-kaerah tersebut adalah seperti berikut:-

- 1) *al Aslu fi al abda' al tahrif*: *al abda'* adalah kata *jama'* bagi perkataan *bud'u* yang bermaksud faraj wanita, ianya *kinayah* (kiasan) untuk perempuan atau nikah. Kaerah ini menjelaskan bahawa asal bagi perempuan adalah haram menggaulinya, lantaran itu Allah telah mengharuskan perkara tersebut melalui dua jalan iaitu *aqad* dan *milku al yamin*.(al Syāatibi: t.thn).
- 2) *al Aslu fi al zaba'ih al tahrif*: iaitu asal bagi binatang sembelihan adalah haram, oleh itu Allah mensyaratkan untuk menghalalkan binatang sembelihan iaitu dengan menyebut nama Allah ketika disembelih, maka penyembelihan mengikut syarac merupakan asas utama untuk menghalalkannya. Beberapa ibarat lain digunakan yang membawa pengertian yang sama dengan kaerah ini seperti "*al Aslu fi al luhum al tahrif*" iaitu asal hukum bagi daging adalah haram dan "*al Aslu fi al Hayawanat al Hazr*" iaitu asal hukum bagi haiwan adalah haram.(al Bahūsain: 1996)
- 3) *al Aslu fi al ibadat al hazr*: iaitu asal bagi ibadat adalah haram, oleh itu haram bagi sesiapa yang melakukan sesuatu perkara dengan anggapan ianya adalah ibadat kepada Allah sedangkan perkara tersebut tidak ditetapkan oleh Allah dan RasulNya sebagai satu ibadat. Ini kerana perkara ibadat hanyalah hak Allah dan RasulNya yang tidak boleh ditambah atau dikurangkan dengan akal fikiran manusia. (al Sa'adi: t.thn)
- 4) *al Aslu fi al dima' al tahrif*: iaitu asal bagi darah yang mengalir adalah haram untuk dimakan, diminum atau digunakan melainkan kerana darurat seperti untuk tujuan perubatan dan sebagainya, sepertimana yang telah ditetapkan dalam kaerah fiqh "*al Darurah tubihu mahzurat*".(al Bahūsain: 1996).
- 5) *al Aslu fi al talaq al hazr*: iaitu asal bagi perceraian adalah haram dan keharusannya adalah terhad, ianya diharuskan kerana darurah dan hajat, oleh itu cerai tidak boleh dikeluarkan semata-mata mengikut hawa nafsu dan perasaan atau andaian yang penuh dengan prasangka. (al Bahūsain: 1996)
- 6) *al Aslu fi al mayyitat al tahrif*: iaitu asal bagi bangkai binatang-binatang yang haram atau halal dagingnya adalah haram berdasarkan nas al Quran, oleh itu ia tidak boleh dimakan atau digunakan melainkan dengan sebab darurat yang tidak boleh dielakkan. (al Bahūsain: 1996)

PEMAKAIAN KADEAH DALAM KEPUTUSAN MJFK

Pengenalan MJFK

MJFK merupakan satu forum yang diwujudkan secara pentadbiran oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi membincangkan isu-isu atau masalah-masalah keagamaan yang bukan bersifat tempatan tetapi berkaitan dengan hal ehwal umat Islam secara keseluruhannya tanpa arahan Majlis Raja-Raja, tetapi diambil maklum kemudiannya dalam Majlis Raja-Raja (Portal E-Fatwa, Jakim: 16 Ogos 2011).

Tujuan pembentukannya adalah untuk memberi pandangan dan penyelarasan keputusan hukum secara lebih cepat dalam isu keagamaan berbanding Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan rasmi yang memerlukan arahan Majlis Raja-Raja terlebih dahulu sebelum persidangan dapat diadakan. Ahli-ahlinya adalah terdiri daripada Mufti negeri-negeri dan beberapa orang alim ulama yang dilantik oleh Yang Di Pertuan Agung.

Keputusan yang dibuat di peringkat MJFK ini tidak mengikat negeri-negeri yang menjadi anggota, tetapi pada kelazimannya keputusan tersebut akan dibawa pula ke peringkat Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri untuk dibincang, di terima dan dikuatkuaskan di peringkat negeri. Hasil kajian yang dijalankan terhadap keputusan MJFK 2001-2010 menunjukkan sebahagian besar keputusan MJFK yang dikaji telah di terima baik oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri sama ada ia diterima dan diwartakan atau hanya diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri sahaja. Begitu juga dengan keputusan MJFK yang tidak dibincang dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri telah diterima secara asasnya kerana mereka telah menjadikan keputusan MJFK tersebut sebagai rujukan dan panduan dalam menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh masyarakat (Zulfaqar Mamat: 2014).

Jelas di sini bahawa MJFK mempunyai kepentingan dan keistimewaannya tersendiri dalam hirarki pembuat keputusan hukum di negara ini. Ia menjadi rujukan dan keputusannya diterima dalam kebanyakan isu walaupun tidak diwartakan sebagai satu keputusan fatwa yang wajib diikuti.

Pemakaian Kaedah al-Aslu fi al-Asyya' al-Ibahah Dalam Keputusan MJFK

Dalam artikel ini, penulis cuba melihat penggunaan kaedah al-aslu fi al-asyya' al-ibahah dalam beberapa keputusan yang pernah dikeluarkan oleh MJFK. Penelitian terhadap kertas kajian hukum MJFK yang dikeluarkan oleh Jakim menunjukkan terdapat beberapa kertas yang mengaplikasi kaedah ini dalam penulisannya, antaranya:

1. Kertas kajian "Hukum Menggunakan Bakteria Yang Diambil Daripada Najis Bayi Sebagai Agen Pemangkin Dalam Yogurt" telah dibincang dalam MJFK kali ke 63 yang bersidang pada 21 Julai 2004 telah memutuskan:

Hukum menggunakan bakteria kultur yang dipencarkan daripada sebarang benda najis, sebagai agen pemangkin dalam yogurt adalah harus dengan syarat telah melalui proses pengasingan dan penyucian mengikut syarak.

Dalam kertas hukum ini kaedah *al-aslu fi al-asyya' al-ibahah* telah diaplikasikan ketika menyebut kaedah yang boleh digunakan dalam menetapkan prinsip asal setiap sesuatu adalah halal kecuali ada nas yang jelas mengenai pengharamannya. Ia merupakan salah satu kaedah yang menyokong prinsip asas halal dan haram dalam Islam (Norliah Sajuri: 2004).

2. Kertas kajian "Hukum Penggunaan Wine Vinegar (Cuka Wain)" telah dibincang dalam MJFK yang bersidang pada 4-6 April 2006 telah memutuskan:

Bahawa haram menggunakan wine vinegar (cuka wain) yang diproses dan dicampur dengan bahan-bahan luar. Walaubagaimanapun sekiranya perubahan daripada cuka wain berlaku dengan sendiri, maka ia adalah halal. Dalam kertas hukum ini kaedah *al-aslu fi al-asyya' al-ibahah* telah diaplikasikan selepas membawakan dalil ayat al-Quran dan hadis berkenaan pengharaman arak dan hasil sampingannya. Selain itu dinyatakan juga tentang kehalalan cuka secara amnya dan kaedah ini digunakan untuk menyatakan asal setiap sesuatu adalah halal kecuali ada nas yang jelas mengenai pengharamannya (Norliah Sajuri: 2007).

Berdasarkan kedua-dua kertas kajian hukum tadi ternyata kaedah *al-aslu fi al-asyya' al-ibahah* banyak diaplikasikan dalam kategori hukum berkaitan makanan dan minuman. Hal ini benar kerana pada hakikatnya banyak jenis makanan dan minuman yang berbeza dari serata dunia yang boleh diaplikasikan melalui kaedah ini selama mana tiada suatu sebab yang menghalangnya dari segi syarak. Dr. Abdul Aziz Mohamed Azzam (2005) menyatakan:

Dan terbit daripada kaedah ini (*al-aslu fi al-asyya' al-ibahah*) pelbagai makanan dan minuman daripada sayuran, buah-buahan, bijirin yang diimport kepada kita daripada negara yang jauh yang tidak diketahui namanya dan tidak pasti kemudaratannya, begitu juga terbit daripadanya pelbagai jenis peralatan dan alatan moden selama mana tiada tegahan jelas mengenainya, begitu juga sesetengah jenis transaksi dan perniagaan jenis baru apabila terbukti tiada unsur riba, gharar dan sebagainya.

Penelitian terhadap kertas kajian juga mendapati bahawa pemakaian kaedah fiqh dalam MJFK bukan bersifat suatu kemestian yang perlu diikuti dalam mengistinbatkan sesuatu permasalahan fiqh sebelum mengeluarkan sesuatu keputusan atau fatwa, sebaliknya ia hanya bersifat menyokong dalil yang lebih autentik seperti dalil al-Quran, al-Sunnah, Ijma' dan Qiyas. Pandangan MJFK ini sebenarnya tidak bertentangan dengan pendapat beberapa orang ulama yang mengkaji secara khusus mengenai qawaid fiqhiah ini seperti al-Hamawi yang menyatakan penetapan fatwa tidak boleh didasarkan kepada

kaedah fiqh kerana ia tidak bersifat *kulli* (menyeluruh), tetapi bersifat *aghlabiyah* (kebanyakan). Isyarat serupa dikemukakan pula oleh Ali Haidar dalam syarah *al-Majallah al-Adliyyah* bahawa mereka yang bermudah-mudah menetapkan hukum tidak boleh menetapkan hukum dengan semata-mata berpijak pada *al-qawa'id al-fiqhiyyah*. Imam Haramain al-Juwaini ketika menjelaskan tentang kaedah *ibahah* dan *bara'ah al-zimmah* menegaskan bahawa ia tidak bermaksud menggunakan kedua kaedah tersebut sebagai dalil (Firdaus, M. Agus: 2009).

Penelitian seterusnya menunjukkan bahawa kaedah yang digunakan oleh MJFK ialah pendapat mazhab al Syafi'ie dan juga sebahagian besar ulama' Islam iaitu *al-aslu fi al-asyya' al-ibahah*, bukannya pendapat kedua yang mencadangkan *al-aslu fi al-asyya' al-hazr*. Ini dapat dilihat dalam beberapa kertas kajian yang pernah dikeluarkan oleh MJFK sebelumnya di atas.

PENUTUP

Berdasarkan kepada kajian yang telah dibuat mengenai topik ini, beberapa kesimpulan telah diperolehi:-

- 1) Kaedah *al aslu fi al asyya' al ibahah* merupakan kaedah yang rajih berdasarkan kepada dalil-dalil yang kuat dan mantap dalam menentukan hukum sesuatu perkara yang tidak mempunyai dalil yang jelas atau al maskut canhu samada haram ataupun halal.
- 2) Terdapat beberapa cabang yang terkecuali daripada kaedah asal tersebut seperti asal bagi wanita adalah haram, asal bagi binatang sembelihan adalah haram, asal bagi ibadat adalah haram, asal bagi darah yang mengalir adalah haram, asal bagi perceraian adalah haram dan asal bagi bangkai binatang adalah haram. Semua kaedah-kaedah ini telah dinyatakan oleh para ulama berdasarkan penelitian mereka pada dalil-dalil al Quran dan al Sunnah.
- 3) Kaedah *al aslu fi al asyya' al ibahah* ini telah digunakan dalam beberapa isu MJFK terutama isu melibatkan hukum berkaitan makanan dan minuman. Kaedah ini bukanlah dalil utama tetapi ia hanya bersifat menyokong dalil-dalil lain yang lebih autentik dalam penetapan sesuatu hukum syarak.

RUJUKAN

- Al Qurān al Karīm
- Abdul Aziz Mohamed Azzam. 2005. Al-Qawāid al-Fiqhiyyah. Al-Qāherah. Dār al-Hadis.
- Al-Bahūsain, Abdul Wahhab. 1996M/1417H. Qā'idah al Yaqīn la Yazūlu bi al Syak. Al-Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Baihaqī, Ahmad bin Husin bin Ali bin Musa. 1994M/1414H. Sunan al Kubra. Makkah al Mukarramah: Dar al Baz.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismaīl. 1987M/1407H. Sahīh al Bukhārī. Beirūt: Dār Ibn Kathir.
- Al-Burnu, Muhammad Sidqī bin Ahmad bin Muhammad. 1996M/1416H. al Wajīz fi idah Qawā'id al Fiqh al Kulliyah. Beirut: Muassasah al Risālah.
- Al-Fayyumi. T.thn. Al Misbah al Munir fi Gharib al Syarh al Kabir. Beirūt: al Maktabah al 'Ilmiyah.
- Firdaus, M. Agus. 2009. Kedudukan al-Qawaaid al-Fiqhiyyah dalam Penetapan Hukum dlm. <http://lppbi-fiba.blogspot.my/2009/02/kedudukan-al-qawaaid-al-fiqiyyah-dalam.html>; 18 Ogos 2017.
- Ibn Kathīr, Ismaīl bin Umar. 1401H. Tafsir Ibnu Kathīr. Beirūt: Dār al Fikr.
- Ibn Manzur, Jamaluddin bin Mukram. 1995M. Lisān al Arab. Beirūt: Dār Sadir.
- Ibn al Qayyim, Muhammad bin Abi Bakr.t.thn. Badā'i' al Fawāid. Beirūt: Dār al Kitab al Arabi.
- Ibn Qudāmah, Abdullah bin Ahmad. 1399H. Raudah al Nāzir wa Junnah al Manāzir. Al Riyadh: Jāmi'ah al Imām Muhammad bin Saud.
- Al-Jarjānī, Ali bin Muhammad bin Ali. 1998M/1419H. al Ta'rifat. Beirūt: Dār al Fikr.
- Al-Juwaini, Abdul Malik bin Abdullah bin Yusuf. 1418H. al Burhān fi Usūl al Fiqh. Misr: al Wafā' al Mansurah.
- Portal E-Fatwa, Jakim: 16 Ogos 2011
- Qal'ah Ji, Muhammad Rawas. 1996M/1416H. Mu'jam Lughah al Fuqaha'. Beirūt: Dār al Nafais.
- Norliah Sajuri. 2004. Hukum Menggunakan Bakteria Yang Diambil Daripada Najis Bayi Sebagai Agen Pemangkin Dalam Yogurt dlm. Jurnal Penyelidikan Islam. Bil. 17 2004/1425H. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Norliah Sajuri. 2007. Penggunaan Cuka Wain atau Wine Vinegar dlm. Jurnal Penyelidikan Islam. Bil. 20 2007/1428H. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

- Al-Sam'āni, Mansur bin Muhammad bin Abdul Jabbar. 1997M. Qawāti' al-Adillah fi al-Usul. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Suyūti, Abdul Rahman bin Abi Bakr. 1403H. al-Asybāh wa al-Nazāir. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Syatibi, Ibrahim bin Musa. Al-Muwāfaqāt fi Usūl al-Syarī'ah. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Al-Syaukāni, Muhammad bin Ali bin Muhammad. 1403H. Irsyād al-Fuhūl ila Tahqīq Ilm al-Usūl. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Syirazi, Ibrahim bin Ali bin Yusuf. 1403H. al-Tabsirah. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Zaidān, Abdul Karim. 1987M/1407H. al-Wajīz fi Usūl al-Fiqh. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Zulfaqar Mamat. 2014. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia: Kajian Terhadap Penerimaan Dan Penolakan Di Peringkat Negeri. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.